

## **KESAN TEKNIK “THINK-PAIR-SHARE” DALAM KEMAHIRAN MENULIS AYAT TOPIK DAN AYAT HURAIAN MURID TAHUN EMPAT**

Oleh

**Griffen Anak Encharang**  
**griffdaresearcher@gmail.com**

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji kesan teknik “Think-Pair-Share” dalam membantu murid-murid Tahun Empat menulis ayat topik dan ayat huraian. Selain itu, penyelidikan ini turut memberi ruang kepada saya untuk menambah baik amalan sendiri saya sebagai guru menggunakan teknik “Think-Pair-Share”. Teknik “Think-Pair-Share” merupakan salah satu cabang pembelajaran koperatif. Data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen; dan kemudian dianalisis menggunakan analisis kandungan. Triangulasi kaedah dan sumber dilaksanakan untuk menyemak data. Dapatan kajian menunjukkan teknik “Think-Pair-Share” berupaya membantu empat orang murid tersebut menguasai kemahiran menulis ayat topik dan ayat huraian pada tahap yang memuaskan, di samping membantu meningkatkan amalan keguruan saya sebagai penyelidik dan pendidik.*

*Kata kunci: “Think-Pair-Share”, pembelajaran koperatif, ayat topik, ayat huraian, peringkat menulis, murid Tahun Empat*

### **ABSTRACT**

*This action research was conducted to investigate the effect of method of “Think-Pair-Share” in helping four Year Four pupils in writing topic and descriptive sentences. In addition to that, this research also provided an opportunity to improve my teaching practices using “Think-Pair-Share” as one of the structure of cooperative learning. Data were collected through observations, interviews and document analysis, and then analyzed using content analysis. Triangulation through methods were used to check the data. The results showed that of “Think-Pair-Share” assisted four Year Four pupils in writing topic and descriptive sentences and at the same time helped me improve my teaching practices as a researcher and educator.*

*Keywords: Think-pair-share, cooperative learning, topic sentences, sentence descriptive, stages of writing*

### **PENGENALAN**

#### **Konteks**

Saya merupakan seorang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)ambilan Januari 2009 dalam jurusan Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Kuching, Sarawak. Saya telah menjalani empat fasa pengalaman berasaskan sekolah (PBS) dan tiga fasa praktikum sebelum ini. Semasa menjalani praktikum fasa III di Sekolah Kebangsaan Terminal 3 (pseudonim), saya telah menjalankan penyelidikan tindakan untuk menambah baik amalan pengajaran saya serta membantu peserta kajian saya dalam menulis ayat topik dan ayat huraian melalui pengenalan teknik “Think-Pair-Share”.

### Isu Keprihatinan

Saya menjalani praktikum fasa III di Sekolah Kebangsaan Terminal 3 selama dua belas minggu. Oleh sebab sekolah hanya terdapat satu kelas untuk setiap tahun atau darjah persekolahan, maka kelas saya terdiri daripada 29 orang murid yang mempunyai pelbagai aras pengetahuan dan penguasaan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Semasa menyemak lembaran kerja murid-murid, saya dapati hampir separuh daripada kelas gagal menyatakan sekurang-kurangnya empat isi yang sesuai dengan tajuk. Ini sekali gus menyebabkan mereka gagal menghasilkan ayat topik dan ayat huraian yang tepat. Terdapat juga masalah melibatkan murid mencampuradukkan dua atau lebih ayat topik dalam satu perenggan. Ada yang menulis hanya satu perenggan karangan dengan ayat topik tanpa ayat huraian, bahkan ada yang hanya memberikan contoh dan tidak menjawab kehendak soalan.

Jika kita merujuk kepada Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat (Pusat Perkembangan Kurikulum 2003), bahagian kemahiran menulis terdapat fokus “8.4 Membina dan menulis ayat topik dan ayat huraian berdasarkan sesuatu perkara.” Di bawah fokus ini terdapat “Aras 1(i) Mengenal pasti isi yang sesuai dengan tajuk” dan “Aras 1(ii) membina ayat topik dan ayat huraian berdasarkan isi yang dikenal pasti tentang sesuatu tajuk.” Rajah 1 menunjukkan bahagian tersebut.


Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu SK Tahun 4		
Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
8.4 Membina dan menulis ayat topik dan ayat huraian berdasarkan sesuatu perkara.	<b>Aras 1</b> i. Mengenal pasti isi yang sesuai dengan tajuk.  ii. Membina ayat topik dan ayat huraian berdasarkan isi yang dikenal pasti tentang sesuatu tajuk.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbincang dan mencatat isi yang sesuai dengan tajuk berdasarkan pelbagai sumber.</li> <li>• Menggunakan teknik peta minda (rajab tulang ikan) bagi mengkonstruk ayat topik dan ayat huraian berdasarkan isi yang telah dikenal pasti tentang sesuatu tajuk.</li> </ul>

Rajah 1. Hasil pembelajaran dan huraian hasil pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu Tahun Empat.

Berdasarkan Rajah 1, murid-murid Tahun Empat sepatutnya sudah menguasai kemahiran membina ayat topik dan ayat huraian. Oleh itu, saya merangka pelan tindakan untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah saya agar murid-murid dapat menguasai kemahiran membina ayat topik dan ayat huraian.

Semasa membuat tinjauan awal, saya mendapati mereka tidak dapat membina ayat huraian untuk setiap ayat topik yang diberikan. Karangan pertama yang saya berikan ialah jenis biografi dan saya memberi penerangan ringkas dan menyediakan isi topik sebagai panduan. Saya dapati mereka hanya membina ayat topik berdasarkan isi topik yang diberi. Hanya beberapa orang sahaja yang boleh menghuraikan ayat topik dengan sedikit contoh.

Menyedari masalah ini, saya memperuntukkan waktu pengajaran untuk mengajar ayat topik dan ayat huraian. Saya banyak bertanyakan soalan dan murid memberikan respons terhadap soalan saya. Daripada jawapan yang diberikan, saya membimbing murid-murid membina ayat topik dan ayat huraian berdasarkan tajuk. Apabila saya menyemak kerja murid, masih terdapat sedikit kesilapan namun ada beberapa orang yang masih tidak memahami konsep. Semasa menyemak latihan, masih terdapat banyak kesilapan membina ayat huraian. Rajah 2 menunjukkan kesalahan salah seorang murid berkenaan yang mencampuradukkan ayat topik dengan ayat lain.



Rajah 2. Kesalahan Nora mencampuradukkan ayat topik dengan ayat-ayat lain dalam membuat karangan. (20 Mac 2012).

### Objektif Kajian

Penyelidikan Tindakan ini dijalankan untuk:

- membantu murid-murid Tahun Empat menulis ayat topik dan ayat huraian dengan teknik "Think-Pair-Share" dalam karangan Bahasa Melayu; dan
- menambah baik amalan saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu dalam memperkenalkan teknik "Think-Pair-Share" untuk meningkatkan mutu pengajaran kemahiran menulis ayat topik dan ayat huraian.

### Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Apakah kesan teknik "Think-Pair-Share" terhadap kemahiran menulis ayat topik dan ayat huraian Bahasa Melayu Tahun Empat?
- Bagaimanakah teknik "Think-Pair-Share" menambah baik amalan saya semasa mengajar kemahiran menulis ayat topik dan ayat huraian Bahasa Melayu Tahun Empat?

## PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Effandi Zakaria (1998) menjelaskan bahawa pembelajaran koperatif adalah satu strategi pengajaran membabitkan pelajar bantu-membantu dalam kumpulan kecil. Ini berlaku apabila mereka bekerja secara berkumpulan, berkongsi idea, menyelesaikan masalah dan menguasai isi pelajaran dengan bantuan guru.

Menurut Hidhir Ismail (2004), pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru masa kini ialah gemar menggunakan cara tradisional. Ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran menjadi tidak menyeronokkan dan membosankan.

## **Pelaksanaan Tindakan**

Tindakan ini telah dilaksanakan semasa waktu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang melibatkan aktiviti menulis karangan. Selain itu, tindakan ini juga telah dibuat di luar waktu pengajaran dan pembelajaran untuk memudahkan saya membuat pemerhatian di samping membimbing murid dalam proses perbincangan kumpulan. Jadual 1 Menunjukkan pelan pelaksanaan tindakan saya.

Jadual 1

### *Pelan Pelaksanaan Tindakan*

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Perkara</b>
1.	7 Mac 2012	Menggariskan Ayat Topik dalam Petikan
2.	9 Mac 2012	Menggariskan Ayat Topik dalam Petikan
3.	12 Mac 2012	Menggariskan Ayat Huraian dalam Petikan
4.	13 Mac 2012	Menggariskan Ayat Huraian dalam Petikan
5.	19 Mac 2012	Memilih Ayat Huraian Berdasarkan Ayat Topik
6.	20 Mac 2012	Memilih Ayat Huraian Berdasarkan Ayat Topik
7.	29 Mac 2012	Menulis Ayat Huraian Berdasarkan Ayat Topik
8.	30 Mac 2012	Menulis Ayat Huraian Berdasarkan Ayat Topik
9.	3 April 2012	Menulis Ayat Topik Berdasarkan Kata Tanya
10.	4 April 2012	Menulis Ayat Topik Berdasarkan Kata Tanya

Merujuk pelan pelaksanaan tindakan saya pada Jadual 1, saya telah melaksanakan sepuluh kali tindakan dalam bentuk latihan kepada peserta kajian saya. Setiap latihan diulang sebanyak dua kali untuk membina kefahaman terhadap konsep ayat topik dan ayat huraian serta sebagai peneguhan kaedah yang telah saya perkenalkan.

Saya telah menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar iaitu lembaran kerja yang merangkumi petikan karangan untuk digariskan ayat topik dan ayat huraian serta ayat topik dan ayat huraian untuk dilengkapkan dan soalan karangan. Bahan rangsangan seperti kotak soalan telah dibekalkan. Semasa berbincang dalam kumpulan, murid mencabut soalan sebagai panduan menghuraikan isi. Sekiranya soalan tidak relevan dengan isi topik, maka soalan tersebut diabaikan.

Setiap latihan dan bahan bantu mengajar yang saya perkenalkan juga mempunyai fungsi-fungsi tertentu. Jadual 2 menunjukkan fungsi setiap latihan dan bahan bantu mengajar yang digunakan.

Jadual 2

### *Jadual Fungsi Setiap Latihan dan Bahan Bantu Mengajar*

<b>Bil.</b>	<b>Latihan/ Bahan Bantu Mengajar</b>	<b>Fungsi</b>
1.	Petikan karangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal pasti/menggariskan ayat topik dan ayat huraian.</li> <li>• Membina konsep ayat topik dan ayat huraian.</li> <li>• Membezakan ayat topik dan ayat huraian.</li> </ul>
2.	Kad perkataan (ayat topik atau ayat huraian)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai rangsangan untuk murid-murid membina ayat huraian.</li> <li>• Memezakan ayat topik dengan ayat huraian.</li> </ul>
3.	Kad soalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai rangsangan kepada murid-murid membina ayat topik dan ayat huraian.</li> <li>• Membiasakan murid-murid untuk membina soalan berdasarkan tajuk untuk mendapat jawapan.</li> <li>• Membina konsep pembelajaran konstruktivisme.</li> </ul>

Berdasarkan Jadual 2, bahan bantu mengajar yang saya gunakan telah membantu murid saya menguasai peringkat kemahiran menulis bermula dengan membina konsep sehingga menulis ayat topik dan ayat huraian berdasarkan kad perkataan.

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan saya dan empat orang murid Tahun Empat. Seperti yang dinyatakan oleh Carr dan Kemmis (1986), penyelidikan tindakan berperanan untuk menambah baik amalan sendiri penyelidik. Empat orang murid terdiri daripada dua orang lelaki dan dua orang perempuan iaitu Sita, Tano, Nora dan Rasi (kesemuanya pseudonim). Purata umur mereka ialah 10 tahun. Mereka mempunyai masalah menulis ayat topik dan ayat huraian.

### Etika Penyelidikan

Saya mendapatkan kebenaran daripada empat orang peserta murid saya secara bertulis. Mereka telah mengisi surat persetujuan penyertaan kajian. Penerangan diberikan agar mereka memahami objektif dan hak sebagai peserta kajian. Rajah 3 menunjukkan contoh surat persetujuan penyertaan murid.



Rajah 3. Contoh surat persetujuan penyertaan murid.

### Teknik Mengumpul Data

Saya telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual untuk memastikan data yang dikumpul mencukupi dan menyeluruh serta berupaya memberi bukti dan sokongan dalam menjawab soalan-soalan penyelidikan tindakan ini.

### Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan sepanjang penyelidikan tindakan. Semasa membuat pemerhatian, saya menghasilkan catatan nota lapangan. Kandungan nota lapangan merangkumi huraian latar, tindakan yang dilaksanakan, tingkah laku peserta, refleksi sendiri dan perkara yang berlaku di luar jangkaan sekiranya ada. Nota lapangan menunjukkan rekod maklumat perkembangan peserta dari permulaan hingga ke akhir pelaksanaan penyelidikan tindakan. Selain itu, saya turut merakamkan gambar-gambar proses pelaksanaan penyelidikan tindakan.

### Analisis dokumen

Analisis dokumen yang saya gunakan adalah berbentuk lembaran kerja. Peserta murid perlu menjawab lembaran kerja tersebut pada peringkat akhir pelaksanaan tindakan. Data yang dikumpul menunjukkan tahap penguasaan kemahiran menulis ayat topik dan ayat huraian.

### Temu bual

Dalam temu bual, saya telah memilih temu bual separa struktur demi memperoleh maklumat lanjut dan pandangan daripada peserta. Contoh soalan temu bual yang saya kemukakan pada 13 Mac 2012 setelah tindakan diambil adalah seperti berikut:

- Adakah kamu faham tentang konsep ayat huraian?
- Apakah perasaan kamu menyiapkan tugas dalam kumpulan? Mengapa?
- Bolehkah kamu tunjukkan perenggan pengenalan dan penutup?

### Teknik Menganalisis Data

Saya telah menggunakan analisis kandungan untuk mencari dan menyusun maklumat yang dikumpul serta mempersembahkan data. Analisis kandungan dibuat dari segi betul atau salah huraian isi dan ayat topik. Saya telah menggunakan rubrik untuk menyemak markah murid. Namun saya memberi fokus kepada ayat huraian dan ayat topik. Jadual 3 merupakan cara pemberian gred untuk ayat yang betul.

Jadual 3

#### Cara Pemberian Gred

Jumlah betul	Gred	Spesifikasi
4	A	Cemerlang
3	A	Sederhana
2	A	Memuaskan
1	A	Lemah

### Teknik Menyemak Data

Saya menggunakan teknik triangulasi bagi mewujudkan kebolehpercayaan yang tinggi dan kesahan data kesan tindakan. Triangulasi meningkatkan kredibiliti data kualitatif yang dikumpul dan menggambarkan situasi yang dikaji. Oleh itu, saya memilih triangulasi kaedah, triangulasi masa dan triangulasi sumber untuk mengeneipkan isu kebolehpercayaan dan kesahan.

Triangulasi kaedah dilakukan dengan membuat perbandingan antara sumber data yang dibuat melalui nota lapangan, lembaran kerja, gambar dan rekod perkembangan peserta kajian.

Triangulasi masa pula ialah cara pengumpulan data ke atas sesuatu sumber yang dilakukan dalam tempoh atau jangka masa panjang. Dalam triangulasi masa, saya membuat perbandingan tindakan yang saya jalankan dan jenis latihan yang saya berikan.

Saya menggunakan kaedah triangulasi sumber melibatkan guru mata pelajaran, guru pembimbing dan rakan praktikum saya. Dengan membuat perbandingan antara dua sumber, saya boleh menginterpretasi data tersebut bagi menjawab soalan kajian saya.


## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan

- **Apakah Kesan Teknik “Think-Pair-Share” terhadap Kemahiran Menulis Ayat Topik dan Ayat Huraian Murid-murid Tahun Empat?**

### Peringkat Mengenal Pasti Ayat Topik dan Ayat Huraian

Peringkat pertama yang telah saya jalankan selepas memperkenalkan kaedah pembelajaran koperatif ialah peringkat mengenal pasti ayat topik. Terlebih dahulu saya menjelaskan ayat topik ialah ayat yang mengandungi isi utama yang hendak disampaikan dalam sesebuah karangan. Rajah 4 menunjukkan peserta kajian saya menggariskan ayat topik pada 7 Mac 2012.



Rajah 4. Latihan menggariskan ayat topik pada lembaran kerja (7 Mac 2012)

Saya mendapati mereka hanya dapat mengenal pasti dua ayat topik setiap seorang dengan betul. Semua peserta kajian saya menggariskan ayat pertama dalam setiap perenggan. Gred murid dalam latihan menggariskan ayat topik seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.


#### Jadual 3

Gred Murid dalam Latihan Menggariskan Ayat Topik pada Lembaran Kerja (7 Mac 2012)

Nama	Markah	Gred
Nora	2	C
Rasi	2	C
Sita	2	C
Tano	2	C

Gred yang ditunjukkan hanyalah pada pencapaian yang memuaskan sahaja. Saya telah menemu bual peserta kajian saya untuk mendapatkan maklum balas daripada mereka. Saya dapati bahawa Nora dan Sita keliru mengenai konsep ayat topik dan ayat huraian. Mereka menganggap semua ayat pertama setiap perenggan ialah ayat topik. Oleh itu, saya telah menerangkan kepada mereka dengan lebih terperinci apakah maksud ayat topik.

Pada 9 Mac 2012, saya telah memberikan satu lagi latihan menggariskan ayat topik kepada peserta kajian dalam kumpulan "think-pair-share". Rajah 5 menunjukkan hasil kerja peserta kajian saya.



Rajah 5. Hasil kerja murid dalam latihan menggariskan ayat topik pada lembaran kerja (9 Mac 2012)

Dalam Rajah 5, semua peserta kajian saya menunjukkan peningkatan dari segi markah yang diperolehi namun, hanya Nora sahaja yang dapat menggariskan semua ayat topik dengan betul. Rasi, Sita dan Tano masih menggariskan ayat pada perenggan pengenalan walaupun sudah diterangkan pada pengajaran sebelumnya. Jadual 4.2 menunjukkan markah yang diperolehi oleh peserta kajian saya.


#### Jadual 4

##### *Gred Murid dalam Latihan Menggariskan Ayat Topik pada Lembaran Kerja (9 Mac 2012)*

Nama	Markah	Gred
Nora	4	A
Rasi	3	B
Sita	3	B
Tano	3	B

Saya juga telah menjalankan temu bual bagi mendapat maklum balas murid terhadap pembelajaran mereka pada hari tersebut. Saya dapati Rasi faham konsep ayat topik tetapi dia lupa semasa membuat latihan. Tano juga faham konsep ayat topik tetapi dia tidak yakin dengan jawapannya setelah berbincang dengan Sita. Oleh sebab itu, dia menukar jawapannya kerana beranggapan Sita lebih pandai dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Pada 12 Mac 2012, saya telah memberikan latihan menggariskan ayat huraian dalam petikan. Saya telah menerangkan bahawa ayat huraian ialah ayat yang menerangkan ayat topik. Biasanya ayat huraian ialah ayat kedua dalam perenggan isi. Ayat huraian boleh mengandungi contoh. Namun, contoh yang tidak memberi penerangan kepada ayat topik bukan ayat huraian. Rajah 6 menunjukkan hasil kerja peserta kajian saya menggariskan ayat huraian dalam petikan.



Rajah 6. Latihan menggariskan ayat huraian pada lembaran kerja (12 Mac 2012).

Dalam latihan menggariskan ayat huraian, didapati semua peserta kajian saya dapat menggariskan keempat-empat ayat huraian dengan betul. Markah mereka dicatatkan dalam Jadual 5.


#### Jadual 5

##### *Gred Murid dalam Latihan Menggariskan Ayat Huraian pada Lembaran Kerja (12 Mac 2012)*

Nama	Markah	Gred
Nora	4	A
Rasi	4	A
Sita	4	A
Tano	4	A



Pada 13 Mac 2012, saya memberikan latihan yang lebih sukar iaitu petikan yang lebih panjang. Hasil kerja peserta kajian saya ditunjukkan dalam Rajah 7 selepas pelaksanaan “think-pair-share.



Rajah 7. Hasil kerja murid dalam latihan menggariskan ayat huraian pada lembaran kerja (13 Mac 2012).


Hasilnya, keputusan yang diperoleh dicatatkan dalam Jadual 6. Jadual tersebut menunjukkan keempat-empat peserta kajian dapat mengenal pasti semua ayat huraian yang terdapat dalam petikan dan memperoleh gred A.

Jadual 6  
Gred Murid dalam Latihan Menggariskan Ayat Huraian pada Lembaran Kerja (13 Mac 2012)

Nama	Markah	Gred
Nora	5	A
Rasi	5	A
Sita	5	A
Tano	5	A

Saya juga telah menjalankan temu bual dengan peserta kajian untuk mendapatkan maklum balas mengenai latihan menggariskan ayat huraian. Daripada temu bual yang dijalankan serta gred yang diperolehi oleh murid-murid, mereka sudah memahami konsep ayat huraian. Oleh sebab itu, mereka dapat memperoleh markah yang amat baik kali ini.

Pada 19 Mac 2012, saya telah memberikan latihan memilih ayat huraian berdasarkan ayat topik. Peserta kajian diberikan beberapa keping kad perkataan yang mengandungi ayat topik, ayat huraian dan pelbagai contoh. Rajah 8 menunjukkan kad perkataan yang digunakan dalam tindakan saya.



Rajah 8. Latihan memilih ayat huraian yang sesuai berdasarkan ayat topik (19 Mac 2012).

Daripada pemerhatian saya, kesemua peserta kajian saya melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran kali ini. Nora, Rasi dan Sita tidak mempunyai masalah membezakan ayat huraian yang sesuai dengan ayat topik yang diberikan. Walau bagaimanapun, Tano mempunyai sedikit kekeliruan dan memilih ayat huraian yang salah. Saya juga perhatikan bahawa semua peserta kajian saya boleh bekerjasama dengan rakan-rakan untuk memilih ayat huraian yang sesuai.


Pada hari berikutnya, saya telah menjalankan tindakan yang sama dan saya telah meminta guru mata pelajaran Bahasa Melayu mereka, Cik Kembang sebagai pemerhati. Tindakan yang dijalankan adalah sama tetapi saya menukar set ayat topik dan peserta saya hanya memilih ayat huraian yang sesuai dengan ayat topik yang dipilih.

Sebaik sahaja aktiviti tamat, saya telah menemu bual Cik Kembang untuk mendapatkan maklum balas terhadap kaedah yang saya jalankan. Saya dapati bahawa teknik "Think-Pair-Share" yang saya perkenalkan untuk mengenal pasti ayat topik dan ayat huraian amat sesuai dan menyeronokkan. Ini disebabkan pembelajaran koperatif berlaku dan murid-murid melibatkan diri secara aktif semasa perbincangan. Cik Kembang juga bersetuju dengan saya bahawa Tano masih mempunyai masalah untuk mengenal pasti ayat huraian yang sesuai dengan ayat topik. Hal ini mungkin disebabkan pilihan jawapan yang banyak. Namun, dia berjaya atas bantuan Nora dan rakan-rakan lain.

Kesimpulannya, pada peringkat mengenal pasti ayat topik dan ayat huraian, para peserta kajian saya menunjukkan perkembangan yang amat positif. Mereka telah dapat membezakan ayat topik dan ayat huraian. Mereka juga dapat memilih ayat huraian yang sesuai berdasarkan ayat topik yang diberikan.

### **Peringkat Menulis Ayat Huraian Berdasarkan Ayat Topik**

Pada 29 Mac 2012, saya telah menjalankan peringkat menulis ayat huraian berdasarkan ayat topik. Saya telah mengedarkan lembaran kerja yang mempunyai ayat topik dan tempat kosong untuk diisi dengan ayat huraian yang sesuai. Langkah seterusnya ialah peserta kajian memilih ayat topik dalam kad perkataan. Rajah 9 menunjukkan set lembaran kerja dan kad ayat topik yang telah saya gunakan dalam tindakan saya.



*Rajah 9. Latihan menulis ayat huraian berdasarkan ayat topik (29 Mac 2012).*

Setelah murid menghantar lembaran kerja, saya telah menyemak dan gred murid telah dicatatkan dalam Jadual 7.


Jadual 7

**Gred Murid dalam Latihan Menulis Ayat Huraian Berdasarkan Ayat Topik (29 Mac 2012)**

Nama	Markah	Gred
Nora	3	B
Rasi	3	B
Sita	2	C
Tano	1	D

Jadual 7 menunjukkan keputusan murid kurang memuaskan. Namun, saya telah membuat kesimpulan awal bahawa mereka masih belum membiasakan diri dengan latihan menulis ayat huraian berdasarkan ayat topik. Pada hujung sesi berkenaan, saya telah menerangkan semula cara menulis ayat huraian yang betul daripada ayat topik dan meminta mereka mengimbas kembali latihan sebelum ini. Mereka dapat menyatakan konsep ayat topik dan ayat huraian yang betul kepada saya.

Tindakan ini diteruskan pada hari berikutnya iaitu pada 30 Mac 2012. Sebelum memulakan aktiviti, saya sekali lagi membuat sedikit ulang kaji konsep ayat topik dan ayat huraian bersama murid. Hasil kerja murid boleh dirujuk pada Rajah 10.



Rajah 10. Hasil kerja murid dalam latihan menulis ayat huraian berdasarkan ayat topik (30 Mac 2012)

Daripada hasil kerja yang telah disemak, keempat-empat orang peserta kajian saya boleh menulis tiga daripada empat ayat huraian yang diminta. Mereka memperoleh gred pada tahap sederhana. Gred murid dicatatkan dalam Jadual 8.

Jadual 8


**Gred Murid dalam Latihan Menulis Ayat Huraian Berdasarkan Ayat Topik (30 Mac 2012)**

Nama	Markah	Gred
Nora	3	B
Rasi	3	B
Sita	3	B
Tano	3	B

Murid berada pada gred sederhana menunjukkan mereka sudah memahami konsep secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, masih ada kesilapan menulis ayat huraian yang mana mereka menulis contoh. Oleh itu, saya merumuskan pada peringkat menulis ayat huraian berdasarkan ayat topik, peserta kajian saya telah menguasainya dengan amat baik.

### Peringkat Menulis Ayat Topik dan Ayat Huraian Berdasarkan Kata Tanya

Saya telah menjalankan tindakan peringkat menulis ayat topik dan ayat huraian berdasarkan kata tanya pada 3 April 2012. Dalam latihan ini, peserta kajian saya telah menjalankan aktiviti dalam kumpulan pembelajaran koperatif “think-pair-share” mereka. Setiap murid telah diberikan lembaran kerja yang mengandungi ruangan untuk diisi dengan ayat topik dan ayat huraian. Mereka juga telah mendapat kad kata tanya setiap seorang. Saya selaku fasilitator telah memberikan arahan fungsi kad kata tanya tersebut. Rajah 11 menunjukkan aktiviti tersebut.



Rajah 11. Latihan menulis ayat topik dan ayat huraian berdasarkan kata tanya (3 April 2012).

Rajah 11 menunjukkan latihan menulis ayat dan ayat huraian berdasarkan kata tanya. Murid-murid telah melibatkan diri secara aktif dan menjawab semua soalan yang diberikan. Gred murid pula dicatatkan dalam Jadual 9.

#### Jadual 9

Gred Murid dalam Latihan Menulis Ayat Topik dan Ayat Huraian Berdasarkan Kata Tanya (3 April 2012)

Nama	Markah ayat topik	Gred	Markah ayat huraian	Gred
Nora	4	A	4	A
Rasi	4	A	4	A
Sita	3	B	2	C
Tano	3	B	3	B

Berdasarkan Jadual 9, Nora dan Rasi dapat menulis keempat-empat ayat topik dan ayat huraian dengan betul dan mendapat gred cemerlang. Walau bagaimanapun, Sita dan Tano hanya menulis tiga ayat topik dengan betul. Tano menulis tiga ayat huraian dengan betul manakala Sita hanya menulis dua ayat huraian dengan betul. Saya membuat kesimpulan awal bahawa Sita dan Tano masih belum dapat menulis ayat topik dan ayat huraian pada peringkat cemerlang kerana ini merupakan latihan pertama menggunakan kad perkataan yang mengandungi kata tanya.

Pada hari berikutnya, iaitu pada 4 April 2012, saya sekali lagi telah menjalankan tindakan yang sama iaitu latihan menulis ayat topik dan ayat huraian menggunakan kata tanya. Hasil kerja murid ditunjukkan pada Rajah 12.

<p>Ayat Topik 1: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 1: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 2: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 2: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 3: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 3: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 4: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 4: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p>	<p>Ayat Topik 1: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 1: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 2: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 2: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 3: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 3: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 4: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 4: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p>	<p>Ayat Topik 1: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 1: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 2: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 2: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 3: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 3: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 4: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 4: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p>	<p>Ayat Topik 1: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 1: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 2: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 2: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 3: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 3: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Topik 4: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p> <p>Ayat Huraian 4: Berpakaianlah oleh-olehmu dengan baik kerana ia akan...</p>
---	---	---	---

Rajah 12. Hasil kerja murid dalam latihan menulis ayat topik dan ayat huraian berdasarkan kata tanya (4 April 2012).

Nora dan Rasi telah mendapat markah penuh untuk gred cemerlang sekali gus mengekalkan pencapaian dalam latihan sebelum ini. Tano juga mendapat gred cemerlang dan markah penuh dalam latihan ini. Hanya Sita sahaja yang berada pada gred sederhana untuk ayat topik dan memuaskan pada ayat huraian. Walau bagaimanapun, tidak boleh dikatakan Sita gagal dalam kaedah yang diperkenalkan. Sebaliknya murid ini perlukan lebih banyak latihan dan masa. Gred markah dalam latihan ini ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10  
Gred Murid dalam Latihan Menulis Ayat Topik dan Ayat Huraian Berdasarkan Kata Tanya (4 April 2012)

Nama	Markah ayat topik	Gred	Markah ayat huraian	Gred
Nora	4	A	4	A
Rasi	4	A	4	A
Sita	3	B	2	C
Tano	4	A	4	A

Teknik “Think-Pair-Share” telah membantu murid Tahun Empat saya dalam kemahiran menulis ayat topik dan ayat huraian. Kaedah yang saya perkenalkan juga membolehkan mereka mengingat konsep ayat topik dan dan ayat huraian dalam suasana pembelajaran koperatif yang menyeronokkan. Akhirnya, mereka bukan sahaja menguasai kemahiran menulis ayat topik dan ayat huraian tetapi juga menunjukkan minat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya dalam aktiviti yang melibatkan teknik “Think-Pair-Share” yang telah saya perkenalkan.

- **Bagaimanakah Teknik “Think-Pair-Share” Menambah Baik Amalan Saya Semasa Mengajar Kemahiran Menulis Ayat Topik dan Ayat Huraian Bahasa Melayu Tahun Empat?**

Melalui teknik “Think-Pair-Share”, saya dapati peserta kajian saya melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Mereka boleh bersoal jawab dengan baik dalam kumpulan pembelajaran dan menyiapkan tugas yang diberi dengan baik. Rajah 13 menunjukkan penglibatan aktif murid saya dalam kumpulan pembelajaran mereka.



Rajah 13. Penglibatan aktif murid dalam menulis ayat topik dan ayat huraian berdasarkan kata tanya (3 April 2012).

Saya dapati kesemua peserta kajian saya bersungguh-sungguh menyiapkan tugas yang diberikan. Di samping itu, murid yang agak pasif seperti Rasi dan Tano telah menunjukkan perubahan positif iaitu lebih aktif bersoal jawab dengan rakan-rakan dalam kumpulan pembelajaran. Berikut ialah catatan nota lapangan saya berdasarkan pemerhatian pada 3 April 2012.

<p><i>Tarikh</i> : 2 April 2012  <i>Masa</i> : 1020-1220  <i>Tempat</i> : Tahun 4  <i>Pemerhatian</i> : Setelah saya memberikan arahan, murid-murid telah melaksanakan tugas dengan baik. Mereka bersoal jawab secara aktif dalam kumpulan. Rasi dan Tano sudah tidak malu melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan. Murid-murid berbincang dengan selesa seolah-olah tiada guru memerhatikan mereka. Tugas juga disiapkan dengan baik.</p>	<p><b>Kekuatan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta kajian saya mendengar arahan yang diberikan dengan baik sekali.</li> <li>• Tano dan Rasi amat aktif dalam kumpulan pembelajaran.</li> </ul> <p><b>Kelemahan:</b> -</p> <p><b>Cadangan penambahbaikan:</b> -</p>
--	--

Rajah 14. Catatan nota lapangan (2 April 2012).

Melalui teknik "Think-Pair-Share", murid-murid berasa selesa belajar dan tidak takut bertanyakan soalan. Dalam kumpulan pembelajaran, mereka tidak berasa segan apabila memberikan pendapat yang salah. Di samping itu, rakan-rakan memainkan peranan yang penting membimbing rakan-rakan lain.

Saya dapati murid-murid seronok melakukan aktiviti kumpulan. Mereka dapat menerima maklumat dengan lebih berkesan kerana rakan-rakan lain boleh membantu sekiranya mereka tidak memahami penjelasan guru. Perbincangan dalam kumpulan membantu guru mengawal kelas secara keseluruhannya. Kemahiran mendengar dan bertutur juga dapat dipertingkatkan di samping matlamat utama untuk menguasai kemahiran menulis ayat topik dan ayat huraian.

Teknik "Think-Pair-Share" yang saya perkenalkan bukan sahaja dapat membantu peserta kajian saya menguasai kemahiran menulis ayat topik dan ayat huraian tetapi juga mewujudkan suasana pembelajaran yang menyenangkan. Strategi berpusatkan murid dan bahan yang digabungkan dalam satu kaedah pembelajaran koperatif memberikan peranan fasilitator kepada guru, memudahkan kawalan kelas

seterusnya memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran saya sebagai guru Bahasa Melayu.

Akhir sekali, tindakan yang saya jalankan mengeratkan hubungan saya dengan peserta kajian. Mereka tidak lagi kekok untuk bertanyakan soalan dan suasana bilik darjah aktif dan terkawal. Hubungan dengan rakan kolaboratif, guru pembimbing dan guru pelatih praktikum juga bertambah erat kerana dapat berkongsi idea dan pendapat seterusnya bekerjasama antara satu sama lain.

### **Cadangan Tindakan Susulan Untuk Kitaran yang seterusnya**

Bagi tindakan susulan untuk kitaran yang seterusnya, saya akan mengekalkan teknik "Think-Pair-Share" tetapi saya akan menggabungkannya dengan Teori Kecerdasan Pelbagai yang dipelopori oleh Gardner (1983). Saya akan menggunakan kemahiran visual supaya murid-murid dapat mencipta gambaran mental berdasarkan rangsangan visual yang akan saya gunakan untuk membina ayat topik dan ayat huraian.

Saya juga akan menggunakan rajah tulang ikan ishikawa yang diubah suai fungsinya untuk mengembangkan tajuk kepada ayat topik dan ayat huraian. Rajah tulang ikan ini tidak jauh berbeza dengan set soalan yang saya gunakan sebelum ini, cuma idea dihuraikan dalam bentuk pelan maklumat.

### **RUJUKAN**

- Carr, W. & Kemmis, S. (1986) *Becoming Critical: education, knowledge and action research*. Lewes, Falmer.
- Effandi Zakaria (1998). Pembelajaran Koperatif. Bangi: *Universiti Kebangsaan Malaysia*. Disertasi Doktor Falsafah yang belum diterbitkan.
- Hidhir Ismail & Mat Jizat Abdol (2004). Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Bagi Matapelajaran Balagah Peringkat Sijil Menengah Agama Di Sekolah Menengah Agama Lughatul Quran, Muar. Diperoleh pada 30 Mac 2012 daripada <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/{7BF0EFF1-5261-4D71-A717-C22C0635F82C}>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4*. Diperoleh pada 22 Februari 2011 dari [http://www.moe.gov.my/bpk/sp\\_hsp/mate/kbsr/math/yr5.pdf](http://www.moe.gov.my/bpk/sp_hsp/mate/kbsr/math/yr5.pdf)